



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERKAITAN ANTARA PERAPATAN IBU BAPA, PERAPATAN RAKAN
SEBAYA, SOKONGAN SOSIAL DAN KECERDASAN EMOSI DALAM
KALANGAN DELINKUEN MELAYU DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK DI
SEMENANJUNG MALAYSIA***

ROZITA WAHAB

FEM 2014 32



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

**PERKAITAN ANTARA PERAPATAN IBU BAPA, PERAPATAN RAKAN
SEBAYA, SOKONGAN SOSIAL DAN KECERDASAN EMOSI DALAM
KALANGAN DELINKUEN MELAYU DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK DI
SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

ROZITA WAHAB

**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Jun 2014

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

*Khas buat ibu tersayang,
Terima kasih atas doamu yang panjang
Didikan dan asuhanmu sentiasa kujadikan bekal perjalanan*

*Untuk Allahyarham bapa tersayang,
Kutitipkan Al-Fatehah buatmu yang sentiasa kukenang
Kudoakan juga dirimu disana sentiasa tenang*

*Istimewa buat kakak dan abang tercinta,
Jasa dan sokongan kalian sangat bermakna,
Semoga kalian dan keluarga sentiasa bahagia
Dikurniakan putera puteri yang bijaksana*

*Buat sahabat-sahabat tercinta,
Terima kasih kerana mendengar sentiasa
Kenangan pahit manis kita bersama begitu berharga
Semoga kalian juga akan sentiasa bahagia
Dan persahabatan kita berkekalan ke hujung nyawa*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

PERKAITAN ANTARA PERAPATAN IBU BAPA, PERAPATAN RAKAN SEBAYA, SOKONGAN SOSIAL DAN KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN DELINKUEN MELAYU DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Oleh

ROZITA WAHAB

Jun 2014

Pengerusi : Mariani binti Mansor, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Konsep kecerdasan emosi semakin mendapat perhatian meluas dalam kalangan penyelidik dalam bidang sains sosial. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada kajian lepas lebih tertumpu kepada golongan pelajar atau remaja secara umum. Oleh itu, kajian kali ini dijalankan khusus dalam kalangan delinkuen yang sedang menjalani program pemulihan akhlak di pusat pemulihan. Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji perkaitan antara perapatan ibu bapa, perapatan rakan sebaya, sokongan sosial dan kecerdasan emosi dalam kalangan delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak di Semenanjung Malaysia. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah 203 orang delinkuen yang berumur antara 11 hingga 19 tahun daripada enam buah pusat pemulihan akhlak di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Melaka. Satu set borang soal selidik yang ditadbir sendiri telah digunakan sebagai alat pengumpulan data. Tiga alat pengukuran yang telah digunakan dalam kajian ini adalah *The Revised Version of Inventory of Parent and Peer Attachment (R-IPPA)*, *Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS)*, dan *Assessing Emotions Scale (AES)*. Keputusan kajian menunjukkan bahawa majoriti delinkuen yang berada di pusat pemulihan mempunyai tahap kecerdasan emosi yang sederhana, manakala tahap perapatan antara mereka dengan ibu dan rakan sebaya pula berada pada tahap yang tinggi. Tahap perapatan antara delinkuen dan bapa mereka adalah sederhana. Keputusan juga menunjukkan bahawa golongan delinkuen Melayu yang berada di pusat pemulihan akhlak mempunyai tahap sokongan sosial yang tinggi. Selain daripada itu, keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan bagi hubungan antara perapatan ibu ($r=0.146$, $p<0.05$), perapatan bapa ($r=0.201$, $p<0.01$), perapatan rakan sebaya ($r=0.334$, $p<0.01$), dan sokongan sosial ($r=0.527$, $p<0.01$) dengan kecerdasan emosi delinkuen Melayu. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa sokongan sosial yang diterima oleh golongan delinkuen Melayu yang berada di pusat pemulihan menjelaskan secara signifikan 30.1% model kecerdasan emosi delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, kajian merumuskan bahawa faktor-faktor seperti perapatan antara delinkuen dengan ibu bapa dan rakan sebaya, dan tahap sokongan sosial mempengaruhi tahap kecerdasan emosi golongan delinkuen Melayu yang berada di pusat pemulihan di Semenanjung Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

RELATIONSHIP BETWEEN PARENTS ATTACHMENT, PEER ATTACHMENT, SOCIAL SUPPORT, AND EMOTIONAL INTELLIGENCE AMONG DELINQUENTS IN THE REHABILITATION CENTRES IN PENINSULAR MALAYSIA

By

ROZITA WAHAB

June 2014

Chairman : Mariani Mansor, PhD
Faculty : Human Ecology

The concept of emotional intelligence is gaining wide attention among researchers in social science. However, most of the previous studies focused more on the students or teenagers in general. Therefore, this study was conducted specifically among delinquents who were undergoing rehabilitation program in the rehabilitation centers. The main goal of this study was to examine the relationship between parents' attachment, peer attachment, social support and emotional intelligence among Malay delinquents in the rehabilitation centers in Peninsular Malaysia. Respondents involved in this study were 203 Malay delinquents aged between 11 to 19 years old from six rehabilitation centers in Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor and Malacca. A set of self-administered questionnaire was used as a tool to collect the data. The three instruments used in this study were The Revised Version of Inventory of Parent and Peer Attachment (R-IPPA), Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS), and Assessing Emotions Scale (AES). Results showed that majority of delinquents have moderate level of emotional intelligence, while their level of attachment with mother and peers were high. The level of attachment between delinquents and their fathers was moderate. Results also showed that Malay delinquents in rehabilitation centers have high level of social support. Besides that, results showed that there were significant relationships between mother attachment ($r=0.146$, $p<0.05$), father attachment ($r=0.201$, $p<0.01$), peers attachment ($r=0.334$, $p<0.01$), and social support ($r=0.527$, $p<0.01$) with emotional intelligence of Malay delinquents. Findings also showed that social support received by delinquents in the rehabilitation centers significantly explains 30.1% of emotional intelligence model of Malay delinquents in the rehabilitation centers in Peninsular Malaysia. Therefore, this study concluded that the factors such as attachment between parents and peers, and the level of social support influenced the level of emotional intelligence among Malay delinquents in the rehabilitation centers in Peninsular Malaysia.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, akhirnya dapat juga kajian ini disempurnakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Master Sains (Psikologi Perkembangan). Tanpa pertolongan daripada individu di sekeliling dan rahmat daripada Allah SWT, tesis ini hanyalah sekadar impian.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada penasihat tesis ini, Dr. Mariani Binti Mansor diatas segala bimbingan, teguran, nasihat dan kritikan yang telah beliau berikan sepanjang tempoh penulisan tesis ini. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala budi dan jasa yang beliau curahkan sepanjang tempoh program ijazah sarjana ini.

Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada Dr. Zainal Madon, selaku ahli jawatankuasa tesis ini. Segala pandangan dan cadangan yang diberikan oleh beliau sangat membantu sepanjang tempoh penulisan tesis ini. Setiap detik masa dan ilmu yang dikongsi oleh beliau begitu berharga.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah dan rakan-rakan pengajian sarjana di Fakulti Ekologi Manusia, UPM. Mereka adalah orang-orang penting yang sentiasa menjadi tempat untuk mengadu dan berkongsi suka duka sepanjang bergelar seorang pelajar sarjana.

Ucapan penghargaan yang seterusnya ingin diucapkan kepada pihak Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia yang secara tidak langsung telah membiayai kajian ini melalui satu kajian besar yang bertajuk “Pembentukan Identiti dan Kecerdasan Emosi Delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak Di Malaysia” melalui geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) yang diketuai oleh Dr. Mariani Mansor.

Seterusnya, tidak lupa juga ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia terutamanya pihak pengurusan pusat-pusat pemulihan yang terlibat kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik sepanjang kajian ini dijalankan.

Akhir sekali, ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu menjalankan kajian ini. Semoga segala urusan mereka juga akan dipermudahkan oleh Allah SWT.

Rozita Wahab

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 27 Jun 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Rozita Wahab bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Perkaitan antara Perapatan Ibu Bapa, Perapatan Rakan Sebaya, Sokongan Sosial, dan Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Delinkuensi Di Pusat Pemulihan Akhlak Di Semenanjung Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Siti Nor binti Yaacob, PhD

Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Haslinda binti Abdullah, PhD

Profesor Madya
Institut Pengajian Sains Sosial Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohamad Hashim Othman, PhD

Profesor Madya
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
(Pemeriksa Luar)

NORITAH OMAR, PhD

Profesor Madya/ Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 19 September 2014


Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mariani Mansor, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zainal Madon, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan :

Pengerusi

J/K Penyeliaan : **Mariani Mansor, PhD**

Tandatangan :

Ahli

J/K Penyeliaan : **Zainal Madon, PhD**



SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGAKUAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB	
1	Pengenalan
	1
	Pendahuluan
	1
	Pernyataan Masalah
	4
	Kepentingan Kajian
	8
	Objektif Kajian
	10
	Hipotesis
	10
	Definisi Terminologi
	11
	Rangka Kerja Teoritikal
	13
	Rangka Kerja Konseptual
	16
	Limitasi Kajian
	17
	Penutup
	17
2	SOROTAN KAJIAN
	18
	Pengenalan
	18
	Kecerdasan Emosi
	18
	Perapatan
	20
	Perapatan Ibu Bapa dan Kecerdasan Emosi
	21
	Perapatan Rakan Sebaya dan Kecerdasan
	Emosi
	22
	Sokongan Sosial
	24
	Sokongan Sosial dan Kecerdasan Emosi
	25
	Penutup
	27
3	METODOLOGI KAJIAN
	28
	Pengenalan
	28
	Reka Bentuk Kajian
	28
	Lokasi Kajian
	28
	Persampelan
	29
	Pengumpulan Data
	31
	Alat Pengukuran
	31
	Kecerdasan Emosi
	31
	Perapatan Ibu Bapa dan Rakan Sebaya
	32
	Sokongan Sosial
	32
	Kajian Rintis
	33
	Penganalisan Data
	34
	Penutup
	35

4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	36
	Pengenalan	36
	Analisis Deskriptif	36
	Profil Latar Belakang Responden	36
	Tahap Kecerdasan Emosi, Perapatan Ibu, Perapatan Bapa, Perapatan Rakan Sebaya, dan Sokongan Sosial dalam Kalangan Delinkuen Melayu	39
	Analisis Perkaitan	43
	Perkaitan antara Perapatan Ibu, Perapatan Bapa, Perapatan Rakan Sebaya, Sokongan Sosial, dan Kecerdasan Emosi	43
	Analisis Perbandingan	46
	Perbandingan Tahap Perapatan Ibu, Perapatan Bapa, Perapatan Rakan Sebaya, Sokongan Sosial, dan Kecerdasan Emosi Antara Delinkuen Melayu Lelaki dan Perempuan	46
	Analisis Regresi	49
	Penutup	51
5	RINGKASAN KAJIAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	52
	Pengenalan	52
	Ringkasan	52
	Kesimpulan	53
	Implikasi Kajian	54
	Implikasi Teoritikal	55
	Implikasi Praktikal	55
	Cadangan Kajian Lanjutan	56
	RUJUKAN	58
	SENARAI LAMPIRAN	65
	BIODATA PELAJAR	87
	SENARAI PENERBITAN	88

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Statistik Kanak-Kanak Dan Remaja Yang Terlibat Dengan Jenayah Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011	2
2	Kes Kanak-kanak yang Memerlukan Perlindungan dan Pemulihan Mengikut Negeri dan Kaum Pada Tahun 2011	3
3	Ujian Kebolehpercayaan (<i>Cronbach's alpha</i>)	34
4	Taburan Delinkuen Berdasarkan Profil Latar Belakang Personal	37
5	Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Delinkuen	40
6	Tahap Perapatan Ibu Dan Delinkuen	40
7	Tahap Perapatan Bapa Dan Delinkuen	41
8	Tahap Perapatan antara Delinkuen dan Rakan Sebaya	42
9	Tahap Sokongan Sosial Dalam Kalangan Delinkuen	43
10	Perkaitan Antara Perapatan Ibu Bapa, Perapatan Rakan, dan Sokongan Sosial Dengan Kecerdasan Emosi	44
11	Perbandingan Tahap Perapatan, Sokongan Sosial, dan Kecerdasan Emosi Bagi Delinkuen Melayu Lelaki Dan Perempuan	46
12	Keputusan Analisis Regresi Pelbagai Bagi Kecerdasan Emosi	50

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Rangka Kerja Teoritikal Kajian	15
2	Rangka Kerja Konseptual Kajian	16
3	Carta Persampelan	30



SENARAI SINGKATAN

JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
NADA	Agensi Anti Dadah Negara
AES	Assessing Emotions Scale
IPPA	Inventory of Parent and Peer Attachment
R-IPPA	The Revised Version of Inventory of Parent and Peer Attachment
MPSSS	The Multidimensional Scale of Perceived Social Support
SPSS	Statistical Package of Social Science



BAB 1

PENGENALAN

Pendahuluan

Masalah delinkuensi adalah antara masalah serius yang bukan hanya menjadi kebimbangan di Malaysia, tetapi seluruh dunia berhadapan dengan fenomena yang sama. Pelbagai polisi dan undang-undang terpaksa digubal khas bagi mengurangkan permasalahan ini. Menurut Akta Kanak-Kanak 2001, delinkuen adalah seorang kanak-kanak yang berumur 18 tahun dan ke bawah dan berhubung dengan prosiding jenayah, ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan [Akta 574]. Walau bagaimanapun, kanak-kanak yang berumur 10 tahun dan kebawah tidak akan disabitkan dengan kesalahan juvana yang dilakukan kerana mereka belum mencapai tanggungjawab jenayah.

Akta kanak-Kanak 2001 adalah satu akta yang menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubung dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya. Akta ini diguna pakai di seluruh Malaysia, menggabungkan Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 yang telah dimansuhkan dibawah akta ini (*Child Act 2001*).

Jadual 1 menunjukkan Laporan Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkenaan jumlah kanak-kanak dan remaja yang terlibat dengan jenayah dalam tempoh tiga tahun bermula pada tahun 2009 hingga 2011 mengikut pecahan negeri-negeri di Malaysia.

Jumlah kanak-kanak dan remaja yang telah ditahan kerana disabitkan dengan kesalahan jenayah di Malaysia dalam tempoh tiga tahun bermula 2009 hingga 2011 adalah seramai 13,753 orang. Jadual 1 menunjukkan bahawa jumlah tertinggi kes dicatatkan di Kedah (2,568 kes), diikuti Johor (1,774 kes) dan Selangor (1,601 kes). Kanak-kanak dan remaja ini terlibat dengan pelbagai jenis kes seperti kes melibatkan harta benda seperti curi dan vandalisme, kes berkaitan dengan orang seperti keganasan dan buli, kes melibatkan pelacuran, judi, dan penyalahgunaan dadah.

**Jadual 1. Statistik Kanak-Kanak Dan Remaja Yang Terlibat Dengan Jenayah
Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011**

Negeri	2009	2010	2011	Jumlah
Johor	617	655	502	1,774
Kedah	311	460	1,818	2,568
Kelantan	215	229	175	619
Melaka	196	191	208	595
Negeri Sembilan	181	214	176	571
Pahang	431	368	292	1091
Perak	264	357	296	917
Perlis	158	92	117	367
Pulau Pinang	334	332	204	870
Sabah	113	169	256	538
Sarawak	28	216	294	538
Selangor	562	507	532	1601
Terengganu	242	411	405	1058
W.P. Kuala Lumpur	192	158	257	607
W.P. Labuan	18	6	15	39
JUMLAH	3,862	4,465	5,547	13,753

Sumber: Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2009-2011)

Penyalahgunaan dadah merupakan antara masalah delinkuensi yang paling ketara di Malaysia. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Negara (NADA) bagi tahun 2000 hingga tahun 2008, majoriti daripada penagih dadah adalah belia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Dalam tempoh tersebut, terdapat seramai 4,667 orang remaja bawah umur telah ditahan disebabkan kes penyalahgunaan dadah (Statistik Sosial Terpilih Siri 12, 2010).

Masalah delinkuensi dalam kalangan remaja memberi impak yang besar secara langsung kepada pembangunan negara kerana masalah ini tidak mungkin dapat diselesaikan sepenuhnya. Apabila seseorang individu telah melibatkan diri dengan kes-kes jenayah bermula daripada zaman remaja, keseluruhan hidup mereka di masa akan datang berkemungkinan besar akan terjejas. Rekod mereka sebagai seorang penjenayah pada usia remaja mungkin boleh menghalang peluang mereka untuk menyambung pelajaran atau mendapatkan pekerjaan yang baik di masa hadapan.

Berbeza daripada penjenayah dewasa, penjenayah dibawah umur (atau dikenali juga sebagai delinkuen atau pesalah juvana) tidak akan dihantar ke penjara untuk menjalani hukuman apabila disabitkan dengan satu-satu kesalahan menurut undang-undang. Institusi-institusi pemulihan ditubuhkan khas sebagai pusat untuk menempatkan kumpulan delinkuen ini menjalani rawatan pemulihan akhlak dan memperbaiki diri daripada segi emosi dan psikologi bagi menggantikan tempoh tahanan yang sepatutnya dijalani di penjara.

Di Malaysia, antara institusi yang ditubuhkan untuk tujuan ini adalah Sekolah Henry Gurney, Sekolah Tunas Bakti, Asrama Akhlak dan Asrama Seri Puteri. Asrama Seri Puteri ditubuhkan untuk remaja wanita yang hamil luar nikah atau mempunyai masalah tingkah laku sosial tidak terkawal. Sekolah Henry Gurney biasanya menempatkan remaja yang terlibat dengan jenayah berat seperti bunuh atau rogol manakala Sekolah Tunas Bakti lebih mengfokuskan kepada remaja yang terlibat dengan jenayah-jenayah ringan. Kebiasaanya, kesemua institusi-institusi pemulihan ini ditubuhkan oleh badan bukan kerajaan atau kerajaan bertujuan untuk membantu golongan delinkuen ini menjalani rawatan dan latihan untuk berubah meninggalkan dunia jenayah setelah dibebaskan daripada hukuman.

Statistik kes kanak-kanak dan remaja yang memerlukan perlindungan dan pemulihan mengikut pecahan negeri dan kaum bagi tahun 2011 ditunjukkan melalui Jadual 2. Antara kesalahan yang disabitkan kepada kumpulan delinkuen ini termasuklah jenayah melibatkan kesalahan berkaitan seksual dan pelacuran (seksyen 38), kanak-kanak yang memerlukan perlindungan sepanjang tempoh perbicaraan kesalahan mereka berlangsung, sebelum diputuskan bersalah oleh pihak mahkamah (seksyen 39) serta kanak-kanak atau remaja yang memohon sendiri untuk ditempatkan di pusat-pusat pemulihan akhlak kerana diancam dengan ugutan melibatkan aktiviti pelacuran atau perlakuan seksual seperti persetubuhan atau mana-mana tindakan yang bermaksud lucah, serta kes yang melibatkan kanak-kanak perempuan yang hamil di luar nikah atau bertingkah laku diluar kawalan (seksyen 41).

Jadual 2. Kes Kanak-kanak yang Memerlukan Perlindungan dan Pemulihan Mengikut Negeri dan Kaum Pada Tahun 2011

Negeri	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Johor	19	6	2	2	29
Kedah	20	0	0	0	20
Kelantan	5	0	0	0	5
Melaka	4	0	0	0	4
Negeri Sembilan	18	1	2	0	21
Pahang	13	1	0	0	14
Perak	18	0	0	0	18
Perlis	5	1	0	0	6
Pulau Pinang	4	0	0	0	4
Sabah	1	0	0	8	9
Sarawak	21	1	0	6	28
Selangor	73	0	1	2	78
Terengganu	6	1	0	0	7
W.P. Kuala Lumpur	10	0	0	0	10
W.P. Labuan	0	0	0	0	0
Jumlah	217	11	5	18	251

Sumber: Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2011)

Jumlah kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan pada tahun 2011 adalah seramai 251 orang yang majoriti daripada mereka adalah kanak-kanak dan remaja berbangsa Melayu (217 orang). Apabila dilihat daripada pecahan negeri pula, Selangor mencatatkan jumlah kes yang paling tinggi iaitu sebanyak 78 kes, diikuti negeri Johor (29 kes) dan Sarawak (28 kes).

Bagi mengisi tempoh program pemulihan yang telah ditetapkan oleh pihak mahkamah, pelbagai aktiviti dan modul telah disediakan di pusat-pusat pemulihan akhlak yang ditubuhkan khusus untuk golongan delinkuen yang terlibat. Antara perkhidmatan utama yang disediakan adalah rawatan pemulihan yang melibatkan pelbagai aktiviti yang merangkumi aktiviti rohani dan jasmani. Aktiviti-aktiviti untuk memenuhi tuntutan rohani golongan delinkuen ini adalah termasuk kelas-kelas agama mengikut jadual, ceramah-ceramah khas yang melibatkan jemputan-jemputan daripada luar pusat, solat berjemaah dan kelas-kelas mengaji al-Quran. Aktiviti-aktiviti jasmani pula adalah seperti kawad kaki, senaman pagi, bersukan dan tugas-tugas harian seperti aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran pusat pemulihan.

Selain itu, pusat pemulihan akhlak juga menyediakan kumpulan sokongan dan kaunseling yang sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatan kepada delinkuen-delinkuen yang memerlukan nasihat dan bantuan. Latihan vokasional seperti kemahiran memasak, menjahit, latihan kerja kayu atau mengimpal turut disediakan kepada penghuni-penghuni di pusat pemulihan sebagai bekalan untuk mereka mencari pekerjaan setelah tamat tempoh tahanan.

Malah, tujuan utama penubuhan pusat-pusat pemulihan ini adalah untuk memberi peluang kepada golongan delinkuen yang pernah terlibat dalam masalah jenayah untuk berhenti daripada melakukan jenayah dan seterusnya berubah menjadi lebih baik. Oleh itu, setiap aktiviti dan program yang dijalankan di institusi pemulihan ini diatur dengan tersusun dan sistematik. Ini adalah supaya golongan delinkuen dapat menjalani tempoh penahanan mereka dalam persekitaran yang baik yang diharapkan mampu untuk mengubah sikap dan tingkah laku buruk kepada sikap yang lebih baik.

Seiring dengan itu, kajian ini dilakukan khusus dengan tujuan untuk mengkaji tahap kecerdasan emosi golongan delinkuen Melayu yang sedang menjalani program pemulihan di pusat-pusat pemulihan akhlak di Semenanjung Malaysia.

Pernyataan Masalah

Masalah delinkuensi di Malaysia sentiasa meningkat daripada satu tahun ke tahun berikutnya. Berdasar laporan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2009 hingga 2011, jumlah kes jenayah delinkuensi pada tahun 2009 adalah sebanyak 3,862 kes dan meningkat kepada 4,465 kes pada tahun 2010 dan seterusnya meningkat kepada angka 5,547 kes pada tahun 2011.

Terdapat pelbagai faktor yang menjadi punca kepada masalah delinkuensi dalam kalangan remaja dan salah satu faktor penting yang telah dikenalpasti oleh golongan penyelidik adalah masalah tahap kecerdasan emosi yang rendah dalam kalangan remaja

(Austin, Saklofske, & Egan, 2005; Siu, 2009; Mavroveli, Petrides, Shove, & Whitehead, 2008; Tomczak, 2010). Remaja yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah biasanya berkecenderungan untuk menghadapi masalah untuk mengawal dan menggunakan emosi yang wujud dalam mereka dan menyesuaikan diri atau memahami emosi orang lain di persekitaran (Esturg'o-Deu & Sala-Roca, 2010).

Individu yang kurang cekap atau tidak berupaya untuk mengawal emosi dengan baik biasanya lebih terdedah untuk melakukan aktiviti berbentuk keganasan atau pelbagai masalah sosial lain seperti lepak, lari dari rumah atau ponteng sekolah (Downey, Johnston, Hansen, Birney & Stough, 2010; Bonab & Koohsar, 2011) dengan niat untuk melepaskan kemarahan atau melapangkan fikiran apabila berhadapan masalah dalam kehidupan seharian. Disebabkan mereka tidak tahu cara yang betul untuk mengawal dan mempamerkan emosi dalam diri, mereka berkecenderungan untuk menunjukkan emosi mereka dengan cara yang salah iaitu dengan cara melibatkan diri dalam masalah delinkuensi dan masalah tingkah laku.

Kecerdasan emosi secara umumnya merujuk kepada kebolehan seseorang individu untuk mengenal dan mengawal emosi yang terdapat dalam diri sendiri dan juga orang lain (Bar-On, 2000). Oleh itu, tahap kecerdasan emosi yang baik adalah amat penting kepada golongan remaja yang sedang membesar bagi mengelakkan mereka terlibat dalam masalah delinkuensi. Malah, Tomczak (2010) mengakui bahawa remaja yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi kurang terlibat dalam masalah tingkah laku delinkuensi dan begitu juga sebaliknya. Ini adalah kerana, individu yang mempunyai kebolehan untuk mengawal emosi sendiri dan orang lain biasanya akan menyelesaikan sebarang masalah yang melibatkan emosi dengan cara yang sihat seperti berbincang dengan keluarga dan kawan-kawan atau melibatkan diri dalam aktiviti yang mereka gemari (contoh; sukan, fotografi) dengan niat untuk mengelakkan diri daripada terlalu memikirkan tentang masalah tersebut. Kaedah ini secara langsung dapat mengurangkan kemungkinan mereka untuk terlibat dengan tingkah laku yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang.

Koohsar dan Bonab (2011) yang mengkaji tentang gejala tingkah laku delinkuensi dalam kalangan remaja di Iran mendapati bahawa masalah jenayah juvana dalam kalangan remaja boleh ditentukan berdasarkan tahap kecerdasan emosi mereka. Hasil kajian yang sama turut didapati oleh kumpulan penyelidik di Malaysia. Liau, Liau, Teoh dan Liau (2003) mendapati bahawa faktor kecerdasan emosi yang rendah dalam kalangan remaja di Malaysia memberi impak yang besar kepada peningkatan kes delinkuensi dan masalah sosial dalam negara.

Kebanyakan kajian lepas telah dijalankan dalam kalangan remaja normal atau kumpulan delinkuen yang berada di luar pusat pemulihan akhlak dan kajian-kajian ini telah mendapati bahawa tahap kecerdasan emosi remaja berkait secara signifikan dengan masalah delinkuensi yang dilakukan oleh remaja. Oleh itu, kajian ini adalah sangat penting dilakukan bagi mengkaji keadaan kecerdasan emosi dalam kalangan delinkuen yang berada di dalam pusat pemulihan akhlak pula.

Keadaan persekitaran dan gaya hidup golongan remaja atau delinkuen yang berada di luar pusat pemulihan dan di dalam pusat pemulihan akhlak adalah berlainan. Tahap kecerdasan emosi golongan delinkuen mampu berubah setelah mereka menjalani kehidupan yang berbeza dalam persekitaran dan gaya hidup yang berbeza di pusat-pusat pemulihan akhlak. Perubahan ini sekaligus boleh memberikan impak positif kepada statistik kes delinkuensi di Malaysia. Golongan delinkuen ini biasanya berubah ke arah lebih baik setelah mereka ditempatkan di pusat pemulihan akhlak (Moretti & Obsuth, 2009) kerana persekitaran di pusat-pusat pemulihan lebih selesa, serta kurang tekanan yang mendesak remaja untuk melakukan jenayah seperti kemiskinan atau pengaruh individu di persekitaran. Jadual harian delinkuen yang berada di pusat pemulihan akhlak juga dikawal secara sistematik dan setiap delinkuen diajar untuk lebih berdisiplin. Malah, pendidikan agama juga sangat ditekankan kepada delinkuen yang berada di pusat pemulihan akhlak.

Selain daripada itu, persekitaran berlainan di pusat pemulihan akhlak ini juga memberi peluang kepada golongan delinkuen untuk bergaul dengan rakan-rakan sebaya yang sama-sama mempunyai sejarah pernah terlibat dengan masalah delinkuensi. Pengalaman hidup yang sama antara mereka berkemungkinan boleh membantu mereka untuk lebih memahami antara satu sama lain. Kehidupan bersama rakan sebaya yang sama-sama mempunyai latar belakang dan pengalaman yang sama boleh membantu memudahkan proses pemulihan delinkuen (Zaremba & Keiley, 2011). Mereka tidak akan berasa terasing atau mempunyai perasaan rendah diri kerana mereka semua mempunyai masalah dan sejarah jenayah tersendiri.

Terdapat juga kajian lepas yang telah membuktikan bahawa tahap kecerdasan emosi seseorang boleh dipertingkatkan menggunakan kaedah-kaedah tertentu. Nelis, Quoidbach, Mikolajczak dan Hansenne (2009) melaporkan bahawa tahap kecerdasan emosi individu boleh dipertingkatkan dengan menggunakan program berkaitan cara yang betul untuk mengawal emosi sendiri dan orang lain, ditambah dengan sokongan sosial daripada tenaga pengajar dan jalinan persahabatan yang disediakan oleh orang disekeliling mereka.

Malah, apabila kanak-kanak atau remaja ditempatkan di pusat-pusat pemulihan, ibu bapa juga digalakkan untuk melawat anak-anak mereka. Jika tidak berkesempatan untuk melawat, mereka dibenarkan untuk menghubungi delinkuen secara panggilan telefon atau mengutus surat. Malah, untuk sesetengah kes, sekiranya delinkuen berkelakuan baik dan tidak menimbulkan sebarang masalah disiplin, terdapat juga delinkuen yang dibenarkan untuk pulang ke kampung untuk sambutan hari raya atau atas urusan-urusan tertentu, dengan pemerhatian pihak pengurusan pusat pemulihan akhlak. Oleh itu, jelas bahawa kehidupan di pusat pemulihan akhlak tidak menghalang langsung perhubungan antara delinkuen dengan ibu bapa dan keluarga, malah hubungan jarak jauh sebegini mampu lebih merapatkan lagi hubungan antara anak dan ibu bapa (Gentzler, Oberhauser, Westerman, & Nadorff, 2011).

Hubungan perapatan antara delinkuen dengan ibu bapa dan rakan-rakan sebaya di sekeliling juga berkemungkinan untuk mempengaruhi cara pengawalan dan penggunaan emosi dalam kalangan remaja. Hasil kajian lepas mendapati bahawa perapatan selamat

(*secure attachment*) adalah hubungan terbaik antara ibu bapa dan anak yang merangsang cara pengawalan emosi anak-anak (Brackett, Mayer & Warner, 2004). Selaras dengan kepentingan hubungan perapatan yang baik antara ibu bapa dan remaja, hubungan dengan rakan sebaya juga memainkan peranan penting dalam proses perkembangan emosi individu terutamanya golongan remaja kerana seperti yang dinyatakan dalam kajian terdahulu, individu menjadi lebih rapat dan banyak menghabiskan masa dengan rakan-rakan berbanding keluarga apabila mereka mula menginjak kepada usia remaja (Collins & Repinsky, 1994; Ying, Lee, & Tsai, 2007). Malah, banyak kajian lepas yang melaporkan tentang pengaruh besar hubungan perapatan antara remaja dan rakan sebaya dalam kehidupan mereka (Gifford-Smith, Dodge, Dishion & McCord, 2005; Pfeifer, Masten, Moore, Oswald, Mazziotta, Iacoboni, & Dapretto, 2011). Sokongan sosial yang diterima oleh remaja daripada individu-individu disekeliling mereka juga dijangkakan mampu membawa kepada tahap kecerdasan emosi yang baik dalam kalangan delinkuen (Kafetsios, 2004).

Selain daripada itu, Ciarrochi, Chan dan Bajgar (2001) juga turut menegaskan bahawa kemahiran yang berkaitan dengan kecerdasan emosi (kemahiran mengenali emosi, kadar sokongan yang diterima, tahap kepuasan terhadap sokongan yang diberi, dan pengurusan perasaan) boleh dipelajari oleh seseorang individu, dan kemahiran seperti ini mampu menolong mereka mengelakkan diri daripada terlibat dengan masalah tingkah laku secara dalaman (tekanan emosi, kemurungan) atau luaran (buli, keganasan).

Oleh itu, jika tahap kecerdasan emosi seseorang boleh dipertingkatkan dan diperbaiki, delinkuen masih mempunyai peluang yang tinggi untuk diperbetulkan dan boleh dikembalikan menjadi seperti remaja normal yang lain (remaja yang mampu mengawal keadaan emosi walau dalam apa cabaran dan masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian mereka) dengan cara memberi latihan dan menyediakan keperluan selengkapnya kepada mereka sepanjang tempoh mereka berada di pusat-pusat pemulihan.

Berdasarkan perbincangan diatas berkaitan isu kecerdasan emosi yang mempengaruhi gejala delinkuensi dalam kalangan remaja, pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan kecerdasan emosi delinkuen di pusat pemulihan akhlak daripada aspek diri remaja, ibu bapa dan rakan sebaya seperti faktor perapatan dan sokongan sosial perlu dikaji dalam kajian ini. Faktor-faktor berkait dengan ibu bapa dan rakan sebaya diberikan keutamaan dalam kajian ini kerana kedua-dua golongan ini merupakan elemen yang paling penting dalam kehidupan seseorang individu. Malah menurut Teori Ekologi (Bronfenbrenner, 1979), ibu bapa dan rakan termasuk dalam persekitaran mikrosistem seseorang individu yang mempunyai paling banyak interaksi dengan individu sejak daripada kecil. Selain daripada faktor intrapersonal, ibu bapa dan rakan sebaya adalah antara dua faktor utama lain yang memainkan peranan sangat penting dalam perkembangan mental dan emosi seseorang individu.

Kajian ini juga dilakukan khusus dalam kalangan delinkuen Melayu kerana seperti data statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah dinyatakan sebelum ini (jadual 2), majoriti daripada delinkuen yang berada di pusat pemulihan akhlak adalah kanak-kanak dan remaja daripada bangsa Melayu. Oleh itu,

kajian ini telah dilakukan dalam kalangan delinkuen Melayu yang berada di pusat-pusat pemulihan akhlak di Semenanjung Malaysia, bagi menjawab persoalan-persoalan seperti berikut:-

Persoalan Kajian

1. Apakah profil latar belakang peribadi delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak di Semenanjung Malaysia?
2. Apakah tahap perapatan ibu, tahap perapatan bapa dan tahap perapatan rakan sebaya, sokongan sosial, dan kecerdasan emosi dalam kalangan delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak di Semenanjung Malaysia?
3. Adakah terdapat sebarang perkaitan signifikan antara perapatan ibu, perapatan bapa dan perapatan rakan sebaya, dan sokongan sosial dengan kecerdasan emosi delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak di Semenanjung Malaysia?
4. Adakah terdapat sebarang perbezaan bagi perapatan ibu, perapatan bapa, perapatan rakan sebaya, sokongan sosial dan kecerdasan emosi antara delinkuen Melayu lelaki dan delinkuen Melayu perempuan di pusat pemulihan akhlak di Semenanjung Malaysia?
5. Apakah peramal unik yang menyumbang kepada kecerdasan emosi dalam kalangan delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak di Semenanjung Malaysia?

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada beberapa pihak seperti golongan individu, ibu bapa, masyarakat, pihak pengurusan pusat pemulihan akhlak dan kerajaan (khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia) kerana semua pihak ini memainkan peranan yang penting dalam mengawal masalah sosial remaja. Masalah delinkuensi dalam kalangan remaja memerlukan perhatian yang berterusan dan ini merupakan antara kajian penting yang diharap dapat membantu semua pihak untuk lebih memahami permasalahan ini.

Paling utama, hasil daripada kajian ini diharapkan mampu menjadi penyumbang untuk menambah sumber ilmu pengetahuan yang sedia ada. Kajian ini diharap boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada pelbagai pihak di masa hadapan untuk lebih memahami tentang masalah delinkuensi di Malaysia. Ia juga diharap dapat membantu golongan ilmuwan dalam usaha melakukan kajian-kajian seterusnya.

Kajian ini diharap dapat memberi maklumat kepada golongan individu khususnya golongan remaja tentang kepentingan mempunyai kemahiran mengawal dan mempamerkan emosi dengan cara yang betul (kecerdasan emosi) dan antara faktor penting yang perlu diberikan perhatian yang boleh mempengaruhi tahap kecerdasan emosi mereka. Faktor diri sendiri, keluarga dan pergaulan dengan rakan sebaya adalah antara pemangkin yang mampu meningkatkan kadar masalah sosial dalam kalangan

remaja. Jadi, diharap kajian ini mampu memberi panduan kepada golongan remaja agar sentiasa berwaspada dalam menjalani kehidupan seharian agar mereka tidak turut sama tergolong dalam golongan remaja yang mempunyai masalah sosial dan tingkah laku.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi maklumat dan kesedaran kepada pihak keluarga terutamanya golongan ibu bapa agar memberi perhatian yang sewajarnya kepada anak-anak remaja mereka agar masalah delinkuensi ini dapat dibendung. Persekitaran kawasan pembesaran anak-anak perlu sentiasa diseliasa agar tingkah laku anak-anak dapat diperhati dan dikawal. Kajian ini juga boleh menyedarkan golongan ibu bapa bahawa anak-anak sentiasa memerlukan sokongan dan perhatian daripada mereka. Walaupun anak telah membuat kesilapan, mereka tidak seharusnya terus meminggirkan anak-anak remaja ini kerana setiap kesalahan boleh diperbetulkan dan sokongan daripada orang lain penting untuk mereka dalam membantu mereka melakukan perubahan.

Kajian ini diharap mampu memberi panduan kepada masyarakat untuk berhadapan dengan remaja yang bermasalah. Masyarakat perlu disedarkan bahawa remaja yang menghadapi masalah sosial ini tidak patut dipinggirkan. Mereka sepatutnya dinasihat dan dikembalikan ke jalan yang benar. Pandangan serong masyarakat kepada golongan remaja yang pernah melakukan jenayah atau tingkah laku delinkuensi akan menyebabkan para remaja hilang semangat untuk berubah. Mereka bimbang akan dipinggirkan dalam masyarakat seterusnya menyebabkan mereka memilih untuk terus dibelenggu dalam kesilapan.

Pengurusan pusat-pusat pemulihan juga antara pihak penting yang mampu menolong golongan remaja ini untuk berubah dan meningkatkan semula tahap kecerdasan emosi mereka supaya mampu menjadi seperti remaja normal yang lain. Ini kerana sebahagian besar masa golongan delinkuen ini dihabiskan di dalam kawasan pusat pemulihan bersama tenaga pengajar, pihak pengurusan dan rakan-rakan. Latihan dan program yang betul yang dilaksanakan dalam pusat pasti mampu menjayakan lagi usaha memperbetulkan akhlak golongan delinkuen.

Pihak kerajaan (Jabatan Kebajikan Masyarakat khususnya) memainkan peranan penting dalam usaha mengurangkan jenayah dan masalah sosial dalam kalangan remaja. Ini kerana pihak kerajaan berkuasa untuk mewujudkan polisi yang menyumbang kepada pencapaian matlamat ini. Diharapkan kajian ini sedikit sebanyak mampu membuka mata pihak JKM untuk membetulkan mana-mana kekurangan atau kepincangan yang berlaku dalam polisi dan undang-undang negara. Berdasarkan maklumat daripada kajian ini, diharap agar kerajaan akan membentuk polisi atau dapat merangka program dalam kalangan belia yang lebih menitik beratkan persoalan psikologi remaja kerana faktor psikologi memainkan peranan besar dalam menentukan tingkah laku individu.

Kajian ini juga dilakukan untuk memberi kesedaran kepada semua pihak bahawa sokongan dan bantuan daripada semua pihak penting dalam membantu delinkuen memperbetulkan diri mereka menjadi seperti remaja normal yang lain setelah keluar daripada pusat pemulihan akhlak. Kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada semua pihak bahawa golongan delinkuen di negara kita ini masih mampu untuk

diperbetulkan kerana antara punca utama remaja melakukan jenayah juvana adalah disebabkan kegagalan mengawal emosi. Jadi, semua pihak patut berusaha untuk membantu golongan ini menjadi lebih cerdas dalam menguruskan emosi.

Objektif Kajian

Objektif Umum

Untuk mengkaji perkaitan antara perapatan ibu bapa, perapatan rakan sebaya, dan sokongan sosial dengan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak.

Objektif Khusus

Berdasarkan kepada objektif umum di atas, beberapa objektif khusus juga telah dibentuk iaitu:-

1. Untuk menerangkan profil latar belakang delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak (umur, jantina, umur akil baligh, bilangan kes jenayah pernah dilakukan, sejarah jenayah dalam keluarga, jenayah dalam kalangan rakan sebaya).
2. Untuk menerangkan tahap perapatan ibu, perapatan bapa, perapatan rakan sebaya, sokongan sosial dan kecerdasan emosi delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak.
3. Untuk menentukan perkaitan antara perapatan ibu, perapatan bapa, perapatan rakan, sokongan sosial dan kecerdasan emosi dalam kalangan delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak.
4. Untuk membandingkan tahap perapatan ibu, perapatan bapa, perapatan rakan sebaya, sokongan sosial dan kecerdasan emosi antara delinkuen Melayu lelaki dan delinkuen Melayu perempuan di pusat pemulihan akhlak.
5. Untuk menentukan peramal unik kecerdasan emosi delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak.

Hipotesis

Berdasarkan objektif-objektif khusus kajian, hipotesis berikut telah dibina:

Objektif 3

Untuk menentukan perkaitan antara perapatan ibu, perapatan bapa, perapatan rakan, sokongan sosial dan kecerdasan emosi dalam kalangan delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak.

- Ho1: Tiada perkaitan signifikan antara perapatan ibu dan kecerdasan emosi dalam kalangan delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak.
- Ho2: Tiada perkaitan signifikan antara perapatan bapa dan kecerdasan emosi dalam kalangan delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak.
- Ho3: Tiada perkaitan signifikan antara perapatan rakan sebaya dan kecerdasan emosi dalam kalangan delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak.
- Ho4: Tiada perkaitan signifikan antara sokongan sosial dan kecerdasan emosi dalam kalangan delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak.

Objektif 4

Untuk membandingkan tahap perapatan ibu, perapatan bapa, perapatan rakan sebaya, sokongan sosial dan kecerdasan emosi antara delinkuen Melayu lelaki dan delinkuen Melayu perempuan di pusat pemulihan akhlak.

- Ho5: Tiada perbezaan signifikan tahap perapatan ibu antara delinkuen Melayu lelaki dan perempuan di pusat pemulihan akhlak.
- Ho6: Tiada perbezaan signifikan tahap perapatan bapa antara delinkuen Melayu lelaki dan perempuan di pusat pemulihan akhlak.
- Ho7: Tiada perbezaan signifikan tahap perapatan rakan sebaya antara delinkuen Melayu lelaki dan perempuan di pusat pemulihan akhlak.
- Ho8: Tiada perbezaan signifikan tahap sokongan sosial antara delinkuen Melayu lelaki dan perempuan di pusat pemulihan akhlak.
- Ho9: Tiada perbezaan signifikan tahap kecerdasan emosi antara delinkuen Melayu lelaki dan perempuan di pusat pemulihan akhlak.

Objektif 5

Untuk menentukan peramal unik kecerdasan emosi delinkuen Melayu di pusat pemulihan akhlak.

- Ho10: Kesemua regresi koefisien bagi perapatan ibu, perapatan bapa, perapatan rakan sebaya dan sokongan sosial adalah bersamaan sifar apabila disandarkan kepada kecerdasan emosi.

Definisi Terminologi

Bahagian ini membincangkan definisi untuk kata kunci yang digunakan dalam kajian ini secara operasional dan konseptual. Antara kata kunci yang diterangkan adalah kecerdasan emosi, perapatan, sokongan sosial, dan delinkuen.

Kecerdasan Emosi

Definisi Konseptual

Menurut Mayer dan Salovey (1997), kecerdasan emosi didefinisikan sebagai kebolehan untuk mengenali emosi, untuk menghasilkan emosi supaya dapat membantu pemikiran, untuk memahami emosi dan pengetahuan berkaitan emosi, dan untuk mengawal emosi supaya dapat menggalakkan pertumbuhan emosi dan minda. Dalam masa yang sama, Goleman (1995) telah mentakrifkan kecerdasan emosi sebagai kebolehan untuk mengenalpasti dan mengawal emosi diri sendiri dan orang lain.

Definisi Operasional

Kecerdasan emosi telah didefinisikan berdasarkan *The Assessing Emotions Scale* (AES) atau turut dikenali sebagai *The Emotional Intelligence Scale* yang telah dibangunkan oleh Schutte, Malouff, Hall, Haggerty, Cooper, Golden dan Dornheim (1998). Skala ini terdiri daripada 33 item yang diukur menggunakan lima skala likert. Jumlah skor yang lebih tinggi yang diukur menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang lebih baik.

Perapatan

Definisi Konseptual

Menurut Bowlby (1969), perapatan adalah satu ikatan emosi yang kuat dan teguh yang menghubungkan antara seseorang individu dengan individu lain tanpa mengira batasan masa atau jarak. Beliau juga menambah bahawa perapatan boleh terjadi secara sebelah pihak sahaja, yang menerangkan bahawa seseorang individu mungkin akan mempunyai perasaan rapat dengan seseorang individu lain yang tidak mempunyai perasaan yang sama. Armsden dan Greenberg (1987) pula mendefinisikan perapatan sebagai ikatan kasih sayang yang teguh.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini, perapatan merujuk kepada perapatan dengan ibu bapa dan perapatan dengan rakan yang diukur menggunakan *The Revised Version of Inventory of Parent and Peer Attachment (R-IPPA)* oleh Armsden dan Greenberg (1987). R-IPPA telah digunakan secara meluas sebelum ini untuk mengukur tahap hubungan antara remaja dengan rakan, ibu, dan bapa secara berasingan. Alat pengukuran ini terdiri daripada 25 item yang diukur menggunakan 5 skala likert yang bermula daripada 1 (hampir tidak pernah) hingga 5 (hampir selalu) dalam setiap bahagian, menghasilkan tiga jumlah skor untuk setiap bahagian (rakan, ibu, bapa). Jumlah skor yang tinggi menunjukkan tahap perapatan yang tinggi.

Sokongan Sosial

Definisi Konseptual

Sokongan sosial adalah sokongan yang boleh dicapai oleh seseorang individu melalui ikatan sosial kepada individu, kumpulan atau sesuatu komuniti yang

tertentu, sumber sokongan yang sentiasa ada apabila individu menghadapi masalah atau krisis (Lin, Alfred, & Walter, 1981). Sokongan sosial didefinisikan sebagai andaian jumlah sebenar sokongan yang diterima daripada hubungan-hubungan utama dalam kehidupan seperti keluarga dan rakan, jaringan sosial dan komuniti (Hochstetler, DeLisi & Pratt, 2010).

Definisi Operasional

The Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MPSSS; Zimet, Dahlem, Zimet & Farley, 1988) telah digunakan untuk menerangkan tahap sokongan sosial dalam kalangan responden kajian. Alat pengukuran ini terdiri daripada 12 item dengan skor bermula daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 6 (sangat setuju). Jumlah skor yang tinggi akan menunjukkan tahap sokongan yang tinggi.

Delinkuen

Definisi Konseptual

Menurut Akta Kanak-Kanak 2001, delinkuen adalah seorang kanak-kanak yang berumur 18 tahun dan kebawah dan berhubung dengan prosiding jenayah, ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan [Akta 574] (*Child Act 2001*).

Definisi Operasional

Bagi tujuan kajian ini, delinkuen adalah kumpulan remaja yang berumur antara 11 hingga 18 tahun pada waktu mahkamah menjatuhkan hukuman bersalah kepada mereka kerana melakukan sebarang perbuatan yang melanggar undang-undang Malaysia dan seterusnya dihantar ke pusat pemulihan untuk menggantikan hukuman penjara yang biasanya dikenakan kepada pesalah dewasa.

Rangka Kerja Teoritikal

Satu model dan satu teori telah digunakan dalam kajian ini untuk membincangkan pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Model dan teori tersebut adalah Model Kecerdasan Sosio-emosi Bar-On dan Teori Perapatan Bowlby.

Model Kecerdasan Sosio-emosi Bar-On

Pembangunan model ini dipengaruhi oleh teori awal Darwin yang membincangkan tentang kepentingan untuk mengeksperisikan emosi bagi tujuan adaptasi dan kelangsungan hidup. Model dan teori ini juga menekankan tentang kepentingan untuk menunjukkan emosi dan melihat hasil kepada tingkah laku yang dilakukan mengikut tahap sosio-emosi (Bar-On, 2006). Bar-On (2006) menerangkan kecerdasan emosi sebagai perlakuan mengambil berat dengan cara memahami diri sendiri dan orang lain secara efektif, berhubung dengan orang lain, dan menyesuaikan diri dengan persekitaran untuk lebih berjaya dalam berhadapan dengan permintaan persekitaran.

Sejak peringkat permulaan pembentukan model kecerdasan sosio-emosi, kebanyakan penerangan, definisi dan konsep berkaitan kecerdasan sosio-emosi adalah merangkumi hubungan intrapersonal dan interpersonal seperti; 1) keupayaan untuk mengenali, memahami, dan meluahkan emosi dan perasaan sendiri, 2) kebolehan untuk memahami perasaan dan emosi orang lain, 3) keupayaan untuk mengawal dan mengurus emosi, 4) keupayaan untuk menguruskan perubahan, menyesuaikan diri, menyelesaikan masalah peribadi dan masalah orang lain, dan 5) kebolehan untuk menjana kesan positif ke dalam diri dan memotivasikan diri. Malah, menurut model ini, kecerdasan sosio-emosi adalah satu hubungan yang saling berkaitan antara kecekapan dan kemahiran berkaitan emosi dan sosial yang menentukan keupayaan seseorang individu untuk memahami dan mempamerkan diri sendiri, memahami orang lain di sekeliling dan menyesuaikan diri dengan keperluan seharian.

Semua kemahiran ini adalah terdiri daripada kebolehan intrapersonal seseorang individu untuk mengenal diri sendiri, kekuatan dan kelemahan diri serta menunjukkan perasaan yang dirasai dalam diri dan pendapat yang difikirkan secara bijak. Daripada perspektif interpersonal pula, kemahiran-kemahiran ini membantu individu untuk mengenalpasti emosi, perasaan dan keperluan orang lain, seterusnya membolehkan mereka membentuk dan mengekalkan hubungan yang bermanfaat dan memuaskan hati kedua-dua belah pihak.

Model ini turut menekankan bahawa tahap kecerdasan emosi berkembang mengikut perkembangan masa dan ia boleh dipertingkatkan melalui latihan, program dan terapi. Bar-On (2006) juga menjelaskan bahawa individu yang tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi daripada tahap kecerdasan emosi purata biasanya lebih berjaya dalam memenuhi tuntutan persekitaran dan tekanan hidup manakala kemerosotan tahap kecerdasan emosi dalam diri seseorang individu membawa maksud kekurangan kejayaan dalam hidup dan kewujudan masalah emosi dalam diri. Situasi ini terjadi disebabkan ketidakupayaan menyelesaikan masalah, kurang ketahanan berhadapan tekanan dan kurang keupayaan mengawal tindakan spontan. Secara ringkasnya, individu yang cerdas secara emosi dan sosial merujuk kepada mereka yang mampu menguruskan perubahan diri dan persekitaran secara realistik dan fleksibel.

Teori Perapatan


Teori perapatan adalah hasil usaha sama antara Bowlby dan Ainsworth (Bretherton, 1992). Teori membincangkan tentang dinamik hubungan jangka masa panjang antara manusia. Asalnya, teori perapatan ini menekankan bahawa bayi memerlukan sekurang-kurangnya seorang penjaga utama semasa proses pembesaran mereka bagi membolehkan perkembangan sosial dan emosi mereka berlaku secara normal. Seterusnya teori perapatan diperkembangkan kepada perapatan dalam kalangan individu dewasa yang merangkumi hubungan perapatan dengan rakan sebaya dan teman istimewa atau pasangan. Di dalam teori ini, perapatan merujuk kepada hubungan atau ikatan emosi antara seseorang individu dengan individu lain yang wujud dalam kehidupan mereka seperti ibu, bapa, atau rakan-rakan sebaya. Hubungan emosi berfungsi untuk memberikan perasaan diperlukan, selamat dan selesa kepada individu. Hubungan ini

adalah saling melengkapi antara seorang individu dengan individu yang lain dan boleh dikekalkan melalui kemesraan fizikal seperti penglihatan, sentuhan, pendengaran, atau perbualan.

Menurut Bowlby (1969), pembentukan hubungan perapatan antara ibu bapa dengan anak-anak terbahagi kepada empat fasa iaitu: fasa pertama, dimana bayi baru dilahirkan hingga berumur lapan minggu, fasa kedua melibatkan bayi yang telah berusia lapan minggu hingga enam bulan, fasa ketiga adalah usia bayi di antara enam bulan hingga dua tahun serta fasa terakhir iaitu membabitkan kanak-kanak yang berusia dua tahun dan ke atas. Perapatan dibahagikan kepada 3 jenis iaitu perapatan selamat (*secure*), perapatan mengelak (*avoidant*) dan perapatan bimbang ketidaktentuan (*ambivalent*) (Ainsworth, Blehar, Waters, & Wall, 1978). Selepas itu, Main dan Solomon (1986) memperkenalkan jenis perapatan yang ke-empat iaitu perapatan tidak teratur (*disorganized*). Menurut Hudson (2013), jenis perapatan seseorang individu pada waktu bayi biasanya akan mempengaruhi jenis perapatan individu pada masa dewasa.

Perkaitan antara Model Kecerdasan Sosio-emosi dan Model Perapatan

Rajah 1 menunjukkan gambarajah yang menerangkan perkaitan antara Model Kecerdasan Sosio-emosi Bar-On dan Teori Perapatan Bowlby.



Rajah 1. Rangka Kerja Teoritik Kajian

Model Kecerdasan Sosio-emosi Bar-On menerangkan tentang keupayaan seseorang manusia untuk mengenalpasti emosi bagi memahami diri sendiri dan orang lain, seterusnya membolehkan seseorang individu menjaga hubungan baik dengan orang di sekeliling manakala Model Perapatan Bowlby pula mengulas tentang hubungan atau ikatan emosi antara seorang individu dengan individu lain di persekitaran mereka.


Kedua-dua model dan teori ini juga berkait rapat dengan sokongan sosial yang diberi atau diterima oleh seseorang individu. Tahap kecerdasan emosi yang baik secara langsung akan mempengaruhi hubungan baik antara seseorang individu dengan individu yang lain. Hubungan yang baik ini seterusnya akan meningkatkan tahap perapatan individu dengan orang di sekeliling mereka dan menambah punca dan kadar sokongan sosial yang wujud dalam kehidupan seseorang individu.

Perapatan juga mampu memberikan kesan yang penting kepada kecerdasan emosi individu. Semua manusia memerlukan hubungan yang rapat dan erat dengan individu penting dalam hidup mereka seperti ibu bapa atau rakan-rakan. Kewujudan hubungan perapatan ini mampu membantu individu daripada segi emosi terutamanya apabila mereka berhadapan dengan tekanan dan masalah. Kewujudan hubungan ini juga memudahkan individu untuk mencari tempat untuk meluahkan perasaan dan masalah apabila keadaan memerlukan. Malah Bowlby (1969) ada menjelaskan bahawa perkembangan sosioemosi, moral dan tingkah laku kanak-kanak juga dipengaruhi oleh perhatian, kasih sayang, perlindungan dan sokongan sosial yang diberikan oleh orang dewasa kepada mereka.

Rangka Kerja Konseptual

Kajian ini melibatkan enam pembolehubah antiseden, dua pembolehubah bebas iaitu perapatan dan sokongan sosial dan satu pembolehubah bebas iaitu kecerdasan emosi. Bagi pembolehubah perapatan, ia diukur daripada tiga sumber perapatan yang berasingan iaitu perapatan dengan bapa, perapatan dengan ibu dan perapatan dengan rakan sebaya. Enam pembolehubah antiseden yang dikaji dalam kajian ini ialah umur, jantina, umur akil baligh delinkuen, jumlah kes yang pernah dilakukan oleh delinkuen sebelum dihantar ke pusat pemulihan akhlak, sejarah kes jenayah yang pernah dilakukan oleh ahli keluarga dan rakan sebaya.

Rajah 2 menunjukkan rangka kerja yang menjelaskan tentang perkaitan setiap pembolehubah yang telah dikaji dalam kajian ini.



Rajah 2. Rangka Kerja Konseptual Kajian

Limitasi Kajian

Seperti kajian-kajian lain yang telah dilakukan sebelum ini, kajian ini juga tidak terkecuali daripada mempunyai limitasi atau kekurangannya yang tersendiri. Data yang didapati daripada kajian ini hanya berfokuskan kepada maklumat berkaitan delinkuen ketika mereka sedang menjalani latihan di pusat-pusat pemulihan akhlak. Oleh itu perbezaan keadaan delinkuen daripada aspek kecerdasan emosi, sokongan sosial, hubungan perapatan dengan rakan sebaya dan ibu bapa tidak boleh dilihat berdasarkan kajian ini semata-mata. Maklumat yang menerangkan tentang keadaan delinkuen daripada aspek yang dikaji bagi tempoh waktu sebelum mereka dimasukkan ke pusat pemulihan adalah sepenuhnya berdasarkan kajian-kajian lepas yang melibatkan kajian dalam kalangan delinkuen di luar pusat pemulihan.

Kajian ini hanya melibatkan 203 orang delinkuen Melayu daripada tiga buah negeri sahaja. Kajian seterusnya mungkin boleh dilakukan dengan menggunakan jumlah responden yang lebih ramai dan melibatkan seluruh delinkuen pusat-pusat pemulihan akhlak termasuk delinkuen berbangsa Cina, India dan lain-lain.

Kajian ini juga hanya mengkaji keadaan delinkuen secara keseluruhan dan penekanan tidak diberikan kepada faktor tempoh masa seseorang delinkuen telah menjalani rawatan pemulihan akhlak sehingga waktu kajian dijalankan. Oleh itu, perkaitan antara tempoh responden menjalani latihan dan perubahan tahap psikologi (tahap perapatan, sokongan sosial, kecerdasan emosi) responden tidak boleh dikenalpasti berdasarkan data daripada kajian ini sahaja.

Maklumat yang diperolehi dalam kajian ini juga hanya dikumpul berdasarkan perspektif laporan sendiri (*self report*) delinkuen sahaja (tidak melibatkan pihak ketiga seperti ibu, bapa, kaunselor atau tenaga delinkuen di pusat) menyebabkan mungkin terdapat bias daripada pihak delinkuen.

Penutup

Bab ini telah membincangkan segala subtopik berkaitan pengenalan kajian secara terperinci. Seterusnya, sorotan kajian kajian akan dibincangkan dalam bab berikutnya.

RUJUKAN

- Ainsworth, M. D., Blehar, M. C., Waters, E., & Wall, S. (1978). *Patterns of attachment: Assessed in the strange situation and at home*. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Armsden, G.C., & Greenberg, M.T. (1987). The inventory of parent and peer attachment: relationships to well-being in adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 16 (5), 427-454.
- Austin, E. J., Saklofske, D. H., & Egan, V. (2005). Personality, well-being and health correlates of trait emotional intelligence. *Personality and Individual Differences*, 38, 547–558.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Barrera, M. (1981). Social support in the adjustment of pregnant adolescents: Assessment issues. In B. H. Gottlieb (Eds.), *Social networks and social support* (pp. 69-96). Beverly Hills: Sage.
- Barrera, M. (1986). Distinctions between social support concepts, measures, and models. *American Journal of Community Psychology*, 14(4), 413-445.
- Bar-On, R. (2000). Emotional and social intelligence: Insights from the emotional quotient inventory. In R. Bar-On & J. D. A. Parker (Eds.), *The handbook of emotional intelligence* (pp. 320–342). San Francisco: Jossey- Bass.
- Bar-On, R. (2006). The Bar-On model of emotional-social intelligence (ESI) 1. *Psicothema*, 18 (Suplemento), 13-25.
- Baron, R.A., & Byrne D. (2003). *Social Psychology*, 10th edn. Boston: Allyn & Bacon.
- Bolger, N., & Amarel, D. (2007). Effects of social support visibility on adjustment to stress: Experimental evidence. *Journal of Personality and Social Psychology*, 92(3), 458-475.
- Bonab, B.G., & Koohsar, A.A.H. (2011). Relation between emotional intelligence and attachment styles in delinquent adolescents. *Procedia- Social and Behavioral Sciences*, 30, 963 – 967.
- Bowlby, J. (1969). *Attachment and loss, Vol. 1: Attachment*, New York: Basic Books.
- Bowlby, J. (1988). Developmental psychiatry comes of age. *The American Journal of Psychiatry*, 145(1).
- Brackett, M.A., Mayer, J.D., & Warner, R.M. (2004). Emotional intelligence and its relation to everyday behaviour. *Personality and Individual Differences*, 36, 1387–1402.
- Bretherton, I. (1992). The origins of attachment theory: John Bowlby and Mary Ainsworth. *Developmental Psychology*, 28(5), 759-775.
- Bronfenbrenner, U. (1979). Contexts of child rearing: Problems and prospects. *American Psychologist*, 34(10), 844-850.
- Brown, B. B., & Bakken, J. P. (2011). Parenting and peer relationships: reinvigorating research on family–peer linkages in adolescence. *Journal of Research On Adolescence*, 21(1), 153-165.
- Carlo, G., McGinley, M., Hayes, R. C., & Martinez, M. M. (2012). Empathy as a mediator of the relations between parent and peer attachment and prosocial and physically aggressive behaviors in Mexican American college students. *Journal of Social and Personal Relationships*, 29(3), 337-357.

- Caruso, D. R., Mayer, J. D., & Salovey, P. (2002). Emotional intelligence and emotional leadership. In *Kravis-de Roulet Leadership Conference, 9th, Apr, 1999, Claremont McKenna Col.* Claremont, CA, US: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Child Act 2001. Didapati daripada <http://www.agc.gov.my/Akta/Vol.%2013/Act%20611.pdf>
- Ciarrochi, J., Chan, A.Y.C., & Bajgar, J. (2001). Measuring emotional intelligence in adolescents. *Personality and Individual Differences, 31*, 1105-1119.
- Collins, W. A., Repinski, D. J. (1994). Relationships during adolescence: Continuity and change in interpersonal perspective. In Montemayor, R. (Ed), Adams, G. R. (Ed), Gullotta, T. P. (Ed), *Personal relationships during adolescence. Advances in adolescent development: An annual book series, 6* (pp. 7-36). Thousand Oaks, CA, US: Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design Qualitative, Quantitative. and Mixed Methods Approaches.* United Kingdom: Sage Publications.
- Crockett, L. J., Iturbide, M. I., Stone, R. A. T., McGinley, M., Raffaelli, M., & Carlo, G. (2007). Acculturative stress, social support, and coping: Relations to psychological adjustment among Mexican American college students. *Cultural Diversity and Ethnic Minority Psychology, 13*(4), 347.
- Davies, D. (2010). *Child development: A practitioner's guide.* New York: Guilford Press.
- De Goede, I. H., Branje, S. J., Delsing, M. J., & Meeus, W. H. (2009). Linkages over time between adolescents' relationships with parents and friends. *Journal of Youth and Adolescence, 38*(10), 1304-1315.
- Di Fabio, A., & Kenny, M. E. (2012). Emotional intelligence and perceived social support among Italian high school students. *Journal of Career Development, 39*(5), 461-475.
- Downey, L.A., Johnston, P.J., Hansen, K., Birney, J., & Stough, C. (2010). Investigating the mediating effects of emotional intelligence and coping on problem behaviours in adolescents. *Australian Journal of Psychology, 62*(1), 20-29.
- Emmanuelle, V. (2009). Inter-relationships among attachment to mother and father, self-esteem, and career indecision. *Journal of Vocational Behavior, 75*(2), 91-99.
- Esturgó-Deu, M. E., & Sala-Roca, J. (2010). Disruptive behaviour of students in primary education and emotional intelligence. *Teaching and Teacher Education, 26*(4), 830-837.
- Furnham, A. (2001). Self-estimates of intelligence: Culture and gender differences in self and other estimates of both general (g) and multiple intelligence. *Personality and Individual Differences, 31*, 1381-1405.
- Gallagher, E.N., & Vella-Brodrick, D.A. (2008). Social support and emotional intelligence as predictors of subjective well-being. *Personality and Individual Differences, 44*, 1551-1561.
- Gallicchio, L., Hoffman, S. C., & Helzlsouer, K. J. (2007). The relationship between gender, social support, and health-related quality of life in a community-based study in Washington County, Maryland. *Quality of Life Research, 16*(5), 777-786.
- Gentzler, A. L., Oberhauser, A. M., Westerman, D., & Nadorff, D. K. (2011). College students' use of electronic communication with parents: links to loneliness,

- attachment, and relationship quality. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 14(1-2), 71-74.
- Ghorbani, N., & Watson, P.J. (2006). Religious orientation types in Iranian Muslims: differences in alexithymia, emotional intelligence, self-consciousness, and psychological adjustment. *Review of Religious Research*, 47(3), 303-310.
- Gifford-Smith, M., Dodge, K.A., Dishion, T.J., & McCord, J. (2005). Peer Influence in children and adolescents: Crossing the bridge from developmental to intervention science. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 33(3), 255-265.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Haynie, D., & Osgood, D.W. (2005). Reconsidering peers and delinquency: How do peers matter?. *Social Forces*, 84(2), 1109-1130.
- Hochstetler, A., DeLisi, M., & Pratt, T. C. (2010). Social support and feelings of hostility among released inmates. *Crime & Delinquency*, 56(4), 588-607.
- Hogan, M. J., Parker, J. D., Wiener, J., Watters, C., Wood, L. M., & Oke, A. (2010). Academic success in adolescence: Relationships among verbal IQ, social support and emotional intelligence. *Australian Journal of Psychology*, 62(1), 30-41.
- Hudson, D. L. (2013). Attachment theory and leader-follower relationships. *The Psychologist-Manager Journal*, 16(3), 147.
- Ishak, N. M., Ariffin, S. R., Hamzah, I., & Amat, S. (2010). The roles of emotional intelligence and emotion-focused solution: Developing leadership qualities among college students. Didapati daripada <http://esurvey.arakenonline.biz/docs/doc6.pdf>
- Johar, S. S., & Mad Shah, I. (2011). Kecerdasan emosi ketua dalam elemen tadbir urus insan dari perspektif model kerohanian Imam al-Ghazali. Didapati daripada <http://eprints.uthm.edu.my/2384/>
- Kafetsios, K. (2004). Attachment and emotional intelligence abilities across the life course. *Personality and Individual Differences*, 37, 129-145.
- Koen, V., Van Eeden, C., & Williams, H.J. (2009). *The parent-adolescent relationship and the emotional well being of adolescents*. Unpublished masters dissertation, North-West University, Vaal Triangle Campus, South Africa.
- Kong, F., Zhao, J., & You, X. (2012). Emotional intelligence and life satisfaction in Chinese university students: The mediating role of self-esteem and social support. *Personality and Individual Differences*, 53(8), 1039-1043.
- Koohsar, A.A.H., & Bonab, B.G. (2011). Relation between emotional intelligence and behavioral symptoms in delinquent adolescents. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 30, 944 - 948.
- Kort-Butler, L. A. (2010). Experienced and vicarious victimization: Do social support and self-esteem prevent delinquent responses?. *Journal of Criminal Justice*, 38(4), 496-505.
- Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat. Didapati daripada <http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=statistik&lang=bm>
- Liau, A.K., Liau, A.W.L., Teoh, G.B.S., & Liau, M.T. L. (2003). The case for emotional literacy: The influence of emotional intelligence on problem behaviours in Malaysian secondary school students. *Journal of Moral Education*, 32(1), 51-66.
- Lin, N., Alfred, D., & Walter, M.E. (1981). Social support scales: A methodological note. *Schizophrenia Bulletin*, 7(1), 73-89.

- Lopes, P. N., Brackett, M. A., Nezlek, J. B., Schuřtz, A., Sellin, I., & Salovey, P. (2004). Emotional intelligence and social interaction. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 30, 1018–1034.
- Luebbers, S., Downey, L.A., & Stough, C. (2007). The development of an adolescent measure of Emotional Intelligence. *Personality and Individual Differences*, 42, 999–1009.
- Ma, C. Q., & Huebner, E. S. (2008). Attachment relationships and adolescents' life satisfaction: Some relationships matter more to girls than boys. *Psychology in the schools*, 45(2), 177-190.
- Main, M., & Solomon, J. (1986). Discovery of an insecure-disorganized/ disoriented attachment pattern. In Brazelton, T. B. (Ed), Yogman, M. W. (Ed). (1986). *Affective Development In Infancy*, (pp. 95-124). Westport, CT, US: Ablex Publishing.
- Marcus, R. F., & Betzer, P. D. (1996). Attachment and antisocial behavior in early adolescence. *The Journal of Early Adolescence*, 16(2), 229-248.
- Mavroveli, S., Petrides, K. V., Shove, C., & Whitehead, A. (2008). Investigation of the construct of trait emotional intelligence in children. *European Child & Adolescent Psychiatry*, 17(8), 516-526.
- Mayer, J. D., Caruso, D. R., & Salovey, P. (1999). Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence. *Intelligence*, 27(4), 267-298.
- Mayer, J.D., & Salovey, P. (1997). What is emotional intelligence? In Salovey, P., & Sluyter, D. (Eds.), *Emotional development and emotional intelligence: Educational implications* (pp 3-31). New York: BasicBooks.
- Meadows, S. O. (2007). Evidence of parallel pathways: Gender similarity in the impact of social support on adolescent depression and delinquency. *Social Forces*, 85(3), 1143-1167.
- Mikolajczak, M., Petrides, K. V., & Hurry, J. (2009). Adolescents choosing self-harm as an emotion regulation strategy: The protective role of trait emotional intelligence. *British Journal of Clinical Psychology*, 48(2), 181-193.
- Miller, B. C., Benson, B., & Galbraith, K. A. (2001). Family relationships and adolescent pregnancy risk: A research synthesis. *Developmental Review*, 21(1), 1-38.
- Montes-Berges, B., & Augusto, J. M. (2007). Exploring the relationship between perceived emotional intelligence, coping, social support and mental health in nursing students. *Journal of Psychiatric and Mental Health Nursing*, 14(2), 163-171.
- Moretti, M.M., & Obsuth, I. (2009). Effectiveness of an attachment-focused manualized intervention for parents of teens at risk for aggressive behaviour: The Connect Program. *Journal of Adolescence* 32, 1347–1357.
- Naghavi, F., Redzuan, M., Asgari, A. & Mirza, M. (2012). Gender differences and construct of the early adolescent's emotional intelligence. *Life Science Journal*, 9(2), 124- 128.
- Nelis, D., Quoidbach, J., Mikolajczak, M., & Hansenne, M. (2009). Increasing emotional intelligence: (How) is it possible?. *Personality and Individual Differences*, 47(1), 36-41.

- Nickerson, A. B., & Nagle, R. J. (2005). Parent and peer attachment in late childhood and early adolescence. *The Journal of Early Adolescence*, 25(2), 223-249.
- Parker, J.D.A., Taylor, R.N., Eastabrook, J.M., Schell, S.L., & Wood, L.M. (2008). Problem gambling in adolescence: Relationships with internet misuse, gaming abuse and emotional intelligence. *Personality and Individual Differences*, 45, 174-180.
- Petrides, K. V., Frederickson, N., & Furnham, A. (2004). The role of trait emotional intelligence in academic performance and deviant behavior at school. *Personality and Individual Differences*, 36(2), 277-293.
- Petrides, K. V., & Furnham, A. (2000). On the dimensional structure of emotional intelligence. *Personality and Individual Differences*, 29(2), 313-320.
- Pfeifer, J.H., Masten, C.L., Moore, W.E., Oswald, T.M., Mazziotta, J.C., Iacoboni, M., & Dapretto, M. (2011). Entering adolescence: Resistance to peer influence, risky behavior, and neural changes in emotion reactivity. *Neuron*, 69, 1029-1036.
- Rahman, A., Anuar, M., & Abdul Hamid, N. (2010). Kesan persekitaran UTM terhadap pembangunan emosi pelajar di Fakulti Pendidikan. Didapati daripada http://eprints.utm.my/10487/1/KESAN_PERSEKITARAN_UTM_TERHADAP_PEMBA NGUNAN_EMOSI.pdf
- Rossen, E., & Kranzler, J.H. (2009). Incremental validity of the Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test Version 2.0 (MSCEIT) after controlling for personality and intelligence. *Journal of Research in Personality*, 43, 60-65.
- Rule, A. (2008). *Relations between parent involvement and coparenting relationship quality* (A Senior Honors Thesis). The Ohio State University. Didapati daripada https://kb.osu.edu/dspace/bitstream/handle/1811/31949/1/Final_Honors_Thesis.pdf
- Salim, S. S. S., & Nasir, R. (2010). Kesan kecerdasan emosi ke atas tekanan kerja dan niat berhenti kerja profesion perguruan. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5(1), 53-68.
- Salovey, P., Detweiler-Bedell, B.T., Detweiler-Bedell, J. B., & Mayer, J. D. (2008). Emotional intelligence. In M. Lewis, J. M. Haviland-Jones & I. Feldman (Eds.), *Handbook of Emotions* (pp.533-547). New York: The Guilford Press.
- Salovey, P., & Mayer, J. D. (1990). Emotional intelligence. *Imagination, Cognition and Personality*, 9, 185-211.
- Salovey, P., Mayer, J. D., Goldman, S., Turvey, C., & Palfai, T. (1995). Emotional attention, clarity, and repair: exploring emotional intelligence using The Trait Meta-Mood Scale. In J. W. Pennebaker (Ed.), *Emotion, disclosure, and health* (pp. 125-154). Washington, DC: American Psychological Association.
- Sarason, I. G., Levine, H. M., Basham, R. B., & Sarason, B. R. (1983). Assessing social support: the social support questionnaire. *Journal of Personality and Social Psychology* 44, 127-139.
- Schutte, N. S., Malouff, J. M., Hall, L. E., Haggerty, D. J., Cooper, J. T., Golden, C. J., et al. (1998). Development and validation of a measure of emotional intelligence. *Personality and Individual Differences*, 25, 167-177.
- Seeds, P. M., Harkness, K. L., & Quilty, L. C. (2010). Parental maltreatment, bullying, and adolescent depression: Evidence for the mediating role of perceived social support. *Journal of Clinical Child & Adolescent Psychology*, 39(5), 681-692.

- Segrin, C., & Flora, J. (2005). Parent-child communication. *Family Communication*, (pp 157-180). Mahwah, New Jersey: Erlbaum.
- Shaw, B. A., Krause, N., Chatters, L. M., Connell, C. M., & Ingersoll-Dayton, B. (2004). Emotional support from parents early in life, aging, and health. *Psychology and Aging*, 19(1), 4-12.
- Sillick, T.J., & Schutte, N.S. (2006). Emotional intelligence and self-esteem mediate between perceived early parental love and adult happiness. *E- Journal of Applied Psychology: Emotional Intelligence*, 2(2), 38-48.
- Siu, A.F.Y. (2009). Trait emotional intelligence and its relationships with problem behavior in Hong Kong adolescents. *Personality and Individual Differences*, 47, 553-557.
- Song, H., Thompson, R. A., & Ferrer, E. (2009). Attachment and self-evaluation in Chinese adolescents: Age and gender differences. *Journal of Adolescence*, 32(5), 1267-1286.
- Statistik Sosial Terpilih Siri 12. (2010). Didapati daripada http://www.statistics.gov.my/portal/download_Labour/files/BPTMS/PST-Siri12.pdf
- Steinberg, L. (2005). Cognitive and affective development in adolescence. *Trends In Cognitive Sciences*, 9(2), 69-74.
- Thorndike, E. L. (1920). Intelligence and its uses. *Harper's magazine* (pp 227-235). Didapati daripada <http://www.unz.org/Pub/Harpers-1920jan-00227>
- Tomczak, V. M. (2010). *The impact of emotional intelligence on substance abuse and delinquency in a college sample: The comparison of emotional intelligence traits versus abilities* (Doctoral dissertation). The University of Alabama, Tuscaloosa. Didapati daripada http://acumen.lib.ua.edu/content/u0015/0000001/0000338/u0015_0000001_0000338.pdf.
- Umberson, D., & Montez, J. K. (2010). Social relationships and health a flashpoint for health policy. *Journal of Health and Social Behavior*, 51(1), S54-S66.
- Vaillant, G. E., & Davis, J. T. (2000). Social/ emotional intelligence and midlife resilience in schoolboys with low tested intelligence. *American Journal of Orthopsychiatry*, 70(2), 215-222.
- Van Vleet, R. K., & Lambert, J. M. (1999). *Delinquency prevention and early intervention: An overview of effective programs*. Salt Lake City, UT: Utah Commission of Criminal and Juvenile Justice. Didapati daripada <http://justice.utah.gov/Documents/Research/Juvenile/Delinquency%20Prevention%20and%20Early%20Intervention.pdf>
- Vitaro, F., Brendgen, M., & Tremblay, R.E. (2000). Influence of deviant friends on delinquency: Searching for moderator variables. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 28(4), 313-325.
- Wade, C. & Tavris, C. (2006). *Psychology (8th ed.)*. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall
- Walker, W. (2005). The strengths and weaknesses of research designs involving quantitative measures. *Journal of Research in Nursing*, 10(5), 571-582.
- Wellisch, M. (2010). Communicating love or fear: The role of attachment styles in pathways to giftedness. *Roeper Review*, 32(2), 116-126.

- Wills, T. A., & Ainette, M. G. (2012). Social networks and social support. In Baum, A., Revenson, T. A., & Singer, J. (Eds.) *Handbook of health psychology* (pp. 465-492). New York: Taylor & Francis.
- Yahaya, A., Hashim, S., Ramli, J., Boon, Y., & Hamdan, A.R. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahaya, A., & Yahaya, N. (2010). Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian.unspecified. Didapati daripada <http://eprints.utm.my/10118/>
- Yang, M. (2012). *Moving Forward: Addressing stress, positive resources, and gender* (Doctoral dissertation). University of Maryland: USA. Didapati daripada http://drum.lib.umd.edu/bitstream/1903/12789/1/Yang_umd_0117N_13196.pdf
- Ying, Y. W., Lee, P. A., & Tsai, J. L. (2007). Predictors of depressive symptoms in Chinese American college students: Parent and peer attachment, college challenges and sense of coherence. *American Journal of Orthopsychiatry*, 77(2), 316-323.
- Zaremba, L. A., & Keiley, M. K. (2011). The mediational effect of affect regulation on the relationship between attachment and internalizing/ externalizing behaviors in adolescent males who have sexually offended. *Children and Youth Services Review*, 33(9), 1599-1607.
- Zeidner, M., Shani-Zinovich, I., Matthews, G., & Roberts, R.D. (2005). Assessing emotional intelligence in gifted and non-gifted high school students: Outcomes depend on the measure. *Intelligence*, 33, 369-391.
- Zimet, G.D., Dahlem, N.W., Zimet, S.G., & Farley, G.K. (1988). The Multidimensional Scale of Perceived Social Support. *Journal of Personality Assessment*, 52(1), 30-41.